



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Badan Perundangan Sarawak (Penggunaan Wang-Wang
yang dipinjam daripada Persekutuan) 1968**

DR.12/1968

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi memberi kuasa kepada Badan Perundangan Sarawak membuat undang² berkenaan dengan penggunaan wang² yang di-pinjam di-bawah Ordinance Pinjaman (Pengurusan Sekolah), 1964, Negeri Sarawak untuk maksud² yang tertentu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act Badan Perundangan Sarawak (penggunaan wang² yang di-pinjam daripada Persekutuan), 1968.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Act ini hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 25hb September, 1964.

2. Mengikut Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Sarawak ada-lah dengan ini di-beri kuasa membuat undang² berkenaan dengan penggunaan wang² yang di-pinjam di-bawah peruntukan² Ordinance Pinjaman (Pengurusan Sekolah), 1964 Sarawak untuk maksud² dan mengikut peruntukan² Peratoran² Pinjaman kepada Sekolah² Bantuan, 1956 Negeri itu.

Pemberian
kuasa.

Sarawak
2 tahun 1964.
PW. S. 135/
56.

HURAIAN

Pada 25hb Februari, 1964, Sarawak telah meluluskan Ordinance Pinjaman (Pengurusan Sekolah), 1964, bagi memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri itu meminjam daripada Kerajaan Persekutuan wang² yang berjumlah tidak lebeh daripada tiga juta ringgit atas syarat² yang di-persetujui antara kedua² Kerajaan itu. Mengikut sekshen 5 Ordinance itu wang² yang di-pinjam di-bawah Ordinance itu akan di-gunakan untuk maksud² Peratoran² Pinjaman kepada Sekolah² Bantuan, 1956 Sarawak. Pelajaran ia-lah satu perkara Persekutuan dan oleh yang demikian Ordinance itu sa-takat sekshen itu ada-lah melampau hadkuasa Perlembagaan Persekutuan—(Jadual Kesembilan—Senarai 1, butiran 13 dan Senarai 2, butiran 7 (d)). Rang Undang² ini bermaksud hendak memberi kuasa kepada Badan Perundangan Sarawak di-bawah Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan bagi membuat undang² berkenaan dengan penggunaan wang itu untuk maksud² yang tersebut di-atas. Pada hakikat-nya Rang Undang² ini bermaksud hendak mengesahkan sekshen 5 Ordinance itu supaya berkuatkuasa kebelakangan.

[P.N. 4463.]